

Headline	Seminar industri perabot 15 Feb		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2012	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	197,952
Page No	18	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	81 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,055
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,165



Seminar industri perabot 15 Feb

KUCHING 1 Feb. - Seminar Pembangunan Industri Perabot Sarawak, yang akan diadakan di sini pada 14 hingga 15 Februari 2012, dijangka menarik lebih 150 peserta.

Dalam satu kenyataan hari ini, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berkata ia akan menganjur seminar itu bersama-sama dengan Perbadanan Pembangunan Industri Perakayuan Sarawak (STIDC) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

“Seminar itu bertujuan mempromosikan pengeluaran produk perabot khusus menggunakan sumber alternatif,” katanya.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas, akan merasmikan se-

minar itu yang akan mengetengahkan trend, cabaran dan peluang dalam industri pembuatan perabot, katanya.

FRIM berkata, seramai 14 ahli panel akan membentangkan kertas masing-masing yang akan menyentuh mengenai kekangan eksport perabot, syarat ujian reka bentuk perabot, bekalan bahan mentah dan insentif kewangan.

Memorandum persefahaman akan dimeterai antara FRIM, STIDC dan Unimas semasa berlangsungnya seminar bagi menandakan kerjasama mereka menubuhkan sebuah makmal ujian perabot di Sarawak, serta dalam reka bentuk dan pembangunan perabot, latihan dan perkhidmatan teknikal, katanya. - BERNAMA